

Mimos berwajah

BA 20 DEC 2002

Oleh Khairul Anuar
Abdul Samad

USAHA penyusunan semula pengurusan Mimos Berhad (Mimos), bukan berkaitan dengan sebarang isu kelemahan yang berlaku dalam pentadbirannya tetapi lebih menjurus kepada usaha memantapkan fungsi organisasi itu.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Da-

tuk Amar Leo Moggie, berkata usaha itu tidak ada kaitan dengan sebarang spekulasi yang mengatakan berlaku isu "kecurangan" dalam pentadbiran organisasi berkenaan.

Katanya, isu itu tidak ada kaitan langsung dengan penyusunan semula, malah ia bertujuan ke arah memperbaiki lagi operasi serta peranan organisasi penting kerajaan khususnya dalam perkembangan

pesat industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) masa kini.

"Usaha menyusun semula organisasi itu sudah mendapat pertimbangan serta persetujuan daripada kabinet yang mana ia akan lebih menumpukan terhadap pembangunan polisi dan perundangannya.

"Fungsi Mimos harus ditentukan dalam satu arus yang mantap iaitu secara membahagikannya kepada

tiga operasi seperti perniagaan, pembangunan dan penyelidikannya (R&D) serta pembentukan polisi," katanya kepada media di Kuala Lumpur, kelmarin.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan media mengenai penstrukturan semula Mimos yang dikatakan gagal menjalankan fungsi utamanya sebagai sebuah badan utama penyelidikan negara.

Antara isu hangat ber-

baru tahun depan

laku di Mimos adalah kerugian RM20 juta pelaburannya dalam Metrowangsa Assets Management Bhd.

Mimos ditubuhkan pada 1 Januari 1985 dan ketika itu dikenali dengan Institut Mikroelektronik Malaysia (singkatan kepada Mimos) dengan sokongan penuh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Pada 1 November 1996 ia menjadi sebuah organisasi korporat.

Mimos juga menjadi organisasi pertama membawa masuk internet ke Malaysia melalui penubuhan pembekal perkhidmatan Internet (ISP) pertama di negara ini iaitu Jaring.

Moggie berkata, Mimos akan dibahagikan kepada dua aktiviti iaitu perniagaan yang diuruskan oleh pengurusan tersendiri manakala unit R&D membitkan pengurusan lain.

Beliau berkata, satu ja-

watankuasa bertindak ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Samsudin Osman dengan sekretariatnya akan berpejabat di Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

"Sehingga kini jawatankuasa ini belum mengadakan mesyuarat lagi dan dijangka ia akan dijalankan seawal tahun depan.

"Ini bermakna sebarang

keputusan penstrukturan semula Mimos itu hanya akan diketahui selepas jawatankuasa itu mengadakan bermesyuarat iaitu tahun depan," katanya.

Pada November lalu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Datuk Dr Tengku Azzman Shariffadeen ketika menjawab pertanyaan sebuah akhbar berbahasa Inggeris mengesahkan kabinet akan menentukan nasib Mimos.